



PERDANA LIBRARY
PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION
NEWSPAPER CLIPPING

Newspaper	Utusan Malaysia
Date	19/6/2011

Laporan ZULKIFLI JALIL, NORLIZA AB. RAHMAN, FAUZI JAAFAR, HASHNAN ABDULLAH, THOMAS CHONG dan NAZMIL NASIRUDDIN.

Dr. Mahathir syor tambah penerbangan ke negara-negara Afrika

PUTRAJAYA 18 Jun - Bekas Perdana Menteri, Tun Dr. Mahathir Mohamad berkata, sudah tiba masanya untuk syarikat penerbangan tempatan meningkatkan lagi jumlah penerbangan terns ke benua Afrika dalam usaha mengukuhkan lagi hubungan perniagaan dan pelaburan.

Menurutnya, ini kerana kekura-

ngan penerbangan sedemikian membataskan usaha untuk meningkatkan hubungan antara Malaysia dan negara-negara Afrika, walaupun benua itu mempurfyai potensi luas dalam ekonomi yang kebanyakannya belum diterokai.

"Berikutan kekurangan penerbangan itu, rakyat Afrika yang ingin ke

Malaysia untuk tujuan perniagaan, pelancongan dan sebagainya perlu terbang ke Paris sebelum ke Malaysia. Itu menjadi penghalang besar.

"Untuk itu, ia mungkin boleh mengguna pakai pendekatan kerjasama yang digunakan oleh syarikat tambang murah tempatan, AirAsia dengan negara-negara sekitar

Asia Tenggara seperti Thailand, Filipina dan Indonesia," katanya.

Beliau berkata demikian ketika menyampaikan ucaptama pada Forum Perniagaan Malaysia-Afrika sempena Dialog Antarabangsa Langkawi (LID) 2011 di sini had ini.

Dr. Mahathir berkata, tidak dinafikan bahawa mungkin pada pe-

ringkat awal cadangan itu tidak menguntungkan.

"Pada peringkat awal kita perlu bersedia menerima kerugian, jadi dalam masa itu kita boleh mengadakan kemudahan untuk peijalanan yang akan membolehkan lebih ramai rakyat Malaysia ke Afrika dan rakyat Afrika datang ke Malaysia,"

katanya.

Selain itu, kata beliau, mewujudkan hubungan secara peribadi juga penting untuk meningkatkan hubungan dua hala.

"Ia akan membolehkan rakyat berinteraksi dengan baik dan memahami budaya perniagaan satu sama lain," katanya.